

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
(GERIK)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah garis panduan bagi pelancong dan orang tempatan untuk membeli barangan di kedai bebas cukai di seluruh negara.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

1) Kedai Bebas Cukai (KBC) dilesenkan di bawah Seksyen 65D, Akta Kastam 1967. Hasrat penubuhan KBC adalah untuk mengiatkan industri pelancongan negara melalui penggalakan aktiviti beli-belah terutamanya oleh pelancong asing. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyediakan garis panduan mengenai kelayakan pembeli dan had pembelian bagi seorang mengikut kategori KBC.

Maklumat mengenai garis panduan ini boleh didapati di laman sesawang rasmi JKDM iaitu *www.customs.gov.my*.

2) Secara umumnya, pelancong asing yang ingin membeli barangan di KBC adalah tertakluk kepada:

- a) pembeli perlu hadir sendiri ke KBC;
- b) mengemukakan pasport atau pas sempadan sebagai dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan yang sah; dan
- c) had pembelian adalah berpandukan kepada garis panduan oleh JKDM.

Maklumat garis panduan mengikut kategori KBC adalah seperti di **LAMPIRAN.**